

Shafie Hairan Mengapa PKNK Rancang Jual 500,000 Unit Saham FGV
Bernama
17 Julai, 2012

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal hairan mengapa Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) merancang untuk menjual 500,000 unit saham Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) yang dibelinya sedangkan pembelian itu mampu memberi keuntungan kepada rakyat Kedah untuk jangka masa panjang.

"Administratively anybody can dispose (secara pentadbiran sesiapa boleh melupuskan) (saham FGV), tetapi mungkin mereka cemburu kerana mereka tidak berupaya melakukan apa yang telah kerajaan Barisan Nasional lakukan.

"Saya berpendapat saham FGV akan memberi keuntungan kepada pemegangnya justeru memberi keuntungan kepada PKNK yang seterusnya dapat memberi manfaat daripada keuntungan itu kepada rakyat," katanya kepada pemberita di sini Selasa.

Terdahulu beliau menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara Felda dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Risda) bagi menanam semula getah di kawasan Felda seluas lebih 16,873 hektar dengan nilai bantuan lebih RM155.7 juta.

Menerusi MoU itu, seluas lebih 10,303 hektar pokok getah akan ditanam semula tahun ini dengan nilai bantuan lebih RM95.1 juta manakala lebih 6,570 hektar dengan nilai bantuan lebih RM60.64 juta akan ditanam semula tahun depan.

-- BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681238>